

Bantu laksana ibadah korban

Perangsang Selangor agih 500 bungkus daging untuk kariah masjid

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) meninggalkan 1001 kenangan manis buat penduduk Kampung Sungai Lang Tengah selepas berjaya membantu golongan yang kurang berkemampuan melaksanakan ibadah korban pada tahun ini.

Program dengan

kerjasama Kelab Sahabat Generasi Dinamik Malaysia (Genesis), Sinar Harian, Jawatankuasa dan Ahli Kariah Masjid Al-Ehsan Kampung Sungai Lang Tengah dan Econsave itu adalah siri jelajah kedua selepas

penganjuran pertama di Tanjung Karang.

Pengerusi Perangsang Selangor, Raja Shahreen Raja Othman berkata, untuk siri kali ini pihaknya menjalankan aktiviti komuniti berbentuk korban termasuk sumbangan lembu bagi menjayakan Program Ibadah Korban anjuran Kerajaan Negeri Selangor.

Menurutnya, sempena Sambutan Aidil Adha tahun ini sahaja Perangsang Selangor telah menyumbang lebih 85 ekor lembu termasuk

mengagihkan lima ekor lembu bagi melaksanakan ibadah korban di Masjid Al-Ehsan Kampung Sungai Lang Tengah sebagai tajaan program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) membantu meningkatkan taraf hidup rakyat.

Menurutnya, Program Korban dan Singgah Mesra Perangsang Selangor itu juga melibatkan 40 kakitangnya terlibat dalam aktiviti penyembelihan, melapah dan mengagihkan lebih 500 bungkus daging korban kepada penduduk termasuk asnaf selepas Solat Jumaat.

"Selain itu pada hari Sabtu (hari ini) kami bakal mengimarahkan masjid dengan Program Gotong-Royong di rumah asnaf dan Program Hijau Bumi Tuhan dengan penanaman pokok di kawasan masjid selain menyediakan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung.

"Kami harap aktiviti ini sebagai simbolik untuk berkongsi dengan rakyat selain menjana impak positif terhadap setiap lapisan

masyarakat terutama golongan yang memerlukan," katanya sempena Gimik Penyerahan Lembu Korban di Pekarangan Masjid Kampung Sungai Lang Tengah, semalam.

Hadirsama Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, Datuk Ikmal Hijaz Hashim dan Nazir Masjid Al-Ehsan Kampung Sungai Lang Tengah, Ahmad Saidi.

Sementara itu, Ahmad Saidi berkata, inisiatif Perangsang Selangor

menganjurkan program CSR itu adalah amalan terpuji dan memberi kelainan kepada penduduk untuk terus mengaktifkan amalan bergotong-royong setiap kali Sambutan Aidil Adha.

Katanya, semangat kerjasama yang telah

dijalinkan oleh penduduk di sini meyakinkan pelbagai pihak mengambil inisiatif untuk turut serta menjalankan aktiviti secara bersama.

Bagi seorang penerima daging korban, Normala Nordin, 51, berkata, dia terharu apabila dipilih menerima daging korban yang diagihkan oleh Perangsang Selangor.

Katanya, aktiviti korban kali ini dilihat memberi impak kepada pelbagai pihak terutama kepada golongan yang memerlukan dalam merasai rezeki daripada pihak lain.

"Pada masa sama makcik lihat, semua pihak berpeluang bersatu dalam melaksanakan program ibadah korban di kampung ini walaupun dengan penglibatan agensi luar," katanya.



Sebahagian ahli kariah Kampung Sungai Lang Tengah yang terlibat dalam aktiviti gotong-royong melapah daging korban.



Raja Shahreen (dua kanan), Datuk Ikmal (empat kanan) bersama Ahmad Saidi (lima kanan) menyampaikan daging kurban kepada salah seorang penerima.



Normala (dua kanan) teruja menerima daging kurban.